

SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/12/151 (HQ)

TNB & UTHM JALIN KERJASAMA PINTAR PROJEK SOLAR KURANGKAN JEJAK KARBON

- Kerjasama pintar melalui pemasangan solar bumbung, penyelidikan dan latihan bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalankan kerjasama pintar melalui pemasangan solar bumbung, penyelidikan dan latihan bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dalam bidang tenaga boleh baharu (RE), khususnya tenaga solar.

Menurut Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan pihak TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu UTHM dalam penyelidikan dan latihan berkaitan sistem solar fotovoltaik.

Bagi tujuan tersebut, katanya, GSPARX telah melaksanakan pemasangan sistem solar di UTHM Kampus Parit Raja dengan melibatkan 25 bangunan termasuk laluan pejalan kaki dan parkir solar. Telah mula beroperasi sejak 12 November 2021, pemasangan ini tidak melibatkan sebarang modal kepada UTHM.

“TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu UTHM dalam penyelidikan dan latihan berkaitan sistem solar fotovoltaik sementara mencapai aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa,” katanya.

Megat Jalaluddin berkata demikian dalam Majlis Penyerahan MOU Kerjasama Penyelidikan dan Pelancaran Sistem Solar di antara UTHM dan GSPARX di Batu Pahat, Johor pada 19 Disember 2021. Pertukaran dokumen MOU ini disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Wahid Razzaly berkata, setakat hari ini UTHM merupakan institut pengajian tinggi awam pertama yang mempunyai pemasangan solar bumbung bangunan terbesar di Malaysia.

“Projek solar bumbung bangunan di kampus induk UTHM yang melibatkan 25 bangunan terpilih dengan kapasiti 6.9MWp ini dijangka dapat menjimatkan RM25.7 juta bil elektrik universiti sepanjang tempoh perjanjian 21 tahun,” katanya.

Inisiatif ini mengurangkan pencemaran udara melalui pengurangan pembebasan karbon dioksida (CO₂) kira-kira 6,203 metrik tonne setiap tahun. Jumlah ini bersamaan dengan

pengurangan sebanyak 1,359 kenderaan setahun di atas jalan raya atau penanaman 103,293 anak pokok yang dapat bertindak sebagai sinki karbon bagi penyerapan karbon dalam tempoh sepuluh tahun.

UTHM sebelum ini telah memeterai perjanjian solar melalui skim Perjanjian Pembekalan untuk Tenaga Boleh Diperbaharui (SARE) dengan GSPARX dan TNB di Kampus UTHM Parit Raja, Johor, pada 29 Januari 2021 lalu.

Perjanjian persefahaman (MoU) melibatkan kerjasama dalam penyelidikan dan latihan kepada staf dan pelajar dalam bidang sistem solar fotovoltaik pula dimeterai pada 4 Oktober 2021 lalu.

Sehingga kini, GSPARX telah berjaya memperolehi lebih dari 1000 pelanggan dengan kapasiti solar 116MWp di bawah skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan kegunaan kendiri (SELCO) menerusi skim SARE dan pembelian terus.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 31 Disember 2021, jam 11:30 pagi

Untuk TNB

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary 019-3369681 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401
atau emel kami: media@tnb.com.my*

Untuk UTHM

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Suriayati 019-7582425
atau e-mail: suriayati@uthm.edu.my*

Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang ditubuhkan pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat, organisasi dan agensi kerajaan bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui Malaysia yang berpotensi besar untuk diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan dari kategori agensi kerajaan, komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>.

Mengenai UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berlokasi di Batu Pahat, Johor ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-15 di negara Malaysia. Ditubuhkan pada 27 September 2000, universiti ini merupakan salah satu daripada Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Sehingga hari ini, UTHM mempunyai lebih 19 000 pelajar yang mengikuti pelbagai kursus berteraskan kejuruteraan,sains dan teknologi. Kini UTHM sedang mengorak langkah menjadi sebuah universiti teknopreneur bertaraf global (Global Technoprenuer) serta berupaya melahirkan tenaga kerja mahir selari dengan keperluan industri.



Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaludin (depan) sedang menerangkan mengenai pelaksanaan pemasangan sistem solar atas bumbung di UTHM kepada Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi (depan, dua kiri) di Batu Pahat, Johor pada 19 Disember 2021.



Pertukaran dokumen MoU di antara Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mahsuri (depan kanan) dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Ts.Dr Wahid Razzaly (depan kiri) disaksikan oleh Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi (belakang, tengah) dan Ketua Pegawai Retail TNB Datuk Ir. Megat Jalaludin (belakang, tiga kiri) di Batu Pahat, Johor pada 19 Disember 2021.



Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalinkan kerjasama pintar projek solar melalui penyelidikan dan latihan bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dalam bidang solar fotovoltaik (PV) dan tenaga boleh baharu.

Projek solar bumbung bangunan di kampus induk UTHM itu melibatkan 25 bangunan terpilih, termasuk Kompleks Kejuruteraan Elektrik (bangunan depan, 753.3kWp) dan Kompleks Kejuruteraan Mekanikal (bangunan belakang, 811.8kWp).